

NOTIS KEPADA PEMEGANG UNIT

Pemegang Unit Amanah Yang Dihormati,

PINDAAN TERHADAP YURAN TAHUNAN PEMEGANG AMANAH TABUNG UNIT AMANAH DI BAWAH PENGURUSAN ASNB

Notis ini adalah untuk memaklumkan anda bahawa pindaan telah dibuat ke atas Yuran Tahunan Pemegang Amanah bagi tabung-tabung berikut melalui Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 16 Mac 2017 ("PITK"). Pindaan yang dibuat terhadap PITK adalah seperti berikut:

Tabung	Yuran Tahunan Pemegang Amanah
ASN	RM600,000 atau 0.08% setahun daripada Nilai Aset Bersih tabung yang dikira dan diakru secara harian, yang mana lebih rendah.
ASN 3	RM400,000 atau 0.08% setahun daripada Nilai Aset Bersih tabung yang dikira dan diakru secara harian, yang mana lebih rendah.
ASB	RM1,000,000 setahun
ASW 2020	RM750,000 setahun
ASM	RM650,000, atau 0.08% setahun daripada Nilai Tabung pada kos yang dikira dan diakru secara harian, yang mana lebih rendah.
ASD	RM600,000 atau 0.08% setahun daripada Nilai Tabung pada kos dikira dan diakru secara harian, yang mana lebih rendah.

Nota: Yuran Tahunan Pemegang Amanah adalah tertakluk kepada Cukai Barang dan Perkhidmatan Malaysia dan berkuat kuasa 90 hari selepas tarikh PITK.

Notis ini adalah untuk pemberitahuan sahaja dan tidak memerlukan tindakan susulan anda. Pindaan ini tidak akan menjelaskan kepentingan anda sebagai Pemegang Unit, dan objektif serta strategi pelaburan tabung unit amanah anda juga kekal sama.

Untuk keterangan lanjut, sila layari laman web ASNB di www.asnb.com.my atau hubungi kami di talian 03-2057 3000 atau e-mel ke asnbcare@pnb.com.my.

Kami mengucapkan terima kasih atas sokongan dan pelaburan berterusan anda dalam tabung-tabung unit amanah ASNB.

Yang benar,
bagi pihak AMANAH SAHAM NASIONAL BERHAD

MOHAMMAD BIN HUSSIN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF DAN PENGARAH EKSEKUTIF
16 MAC 2017